

TEKS UCAPAN Y. BHG. NAIB CANSELOR SEMPENA SEMINAR
KENEGARAAN BTN – UTeM 2009 DI DEWAN BANQUET SERI NEGERI, AYER
KEROH MELAKA PADA 29 OOGOS 2009

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM
ASSALAMUALAIKUM WRT. WBKTH. DAN SALAM SEJAHTERA

Y.B DATO' SAIFUDDIN BIN ABDULLAH
TIMBALAN MENTERI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA

Y. BHG. DATO' PROF. DR. MOHD NOR BIN HUSAIN
TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)

Y. BHG. DATUK PROF. MADYA DR ABU BAKAR BIN MOHD DIAH
TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN & INOVASI)

Y. BHG. DR ZOKEPLI BIN BUANG
DEKAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

PEGAWAI-PEGAWAI BIRO TATANEGARA (BTN)

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI,

YANG DIPERTUA DAN BARISAN EXCO MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR
(MPP)

SETERUSNYA PARA PELAJAR YANG SAYA HORMATI SEKALIAN,

BERSYUKUR KITA KE HADRAT ALLAH S.W.T KERANA DENGAN IZINNYA
DAPAT KITA BERKUMPUL PADA HARI INI BAGI MENJAYAKAN SEMINAR
KENEGARAAN INI. IA ADALAH SATU PROGRAM PEMBANGUNAN DIRI
PELAJAR YANG PERLU DIADAKAN BAGI MEMUPOK SEMANGAT
KECINTAAN KITA KEPADA NEGARA.

SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN JUTAAN
TERIMA KASIH KEPADA Y.B. DATO' SAIFUDDIN BIN ABDULLAH, TIMBALAN
MENTERI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA KERANA SUDI HADIR PADA
SEMINAR KENEGARAAN BTN-UTeM HARI INI. JUGA UCAPAN TERIMA

KASIH KEPADA PIHAK BIRO TATANEGARA KERANA
MENJAYAKAN SEMINAR KENEGARAAN INI SEKALI LAGI BERSAMA UTEm.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

SEMINAR HARI INI ADALAH PENTING UNTUK DILAKSANAKAN DALAM USAHA KITA MEMASTIKAN SEMANGAT JATI DIRI BANGSA MALAYSIA SUPAYA LEBIH SUBUR. RAKYAT MALAYSIA YANG TERDIRI DARIPADA PELBAGAI ETNIK PERLU MEMAHAMI DAN MENGHAAYATI SEMANGAT UNTUK MENCINTAI NEGARA. KITA MEMERLUKAN WARGANEGARA YANG SENTIASA MELETAKKAN KECINTAANNYA KEPADA NEGARA MALAYSIA SUPAYA KITA DAPAT TERUS MENIKMATI KEAMANAN YANG TELAH PUN KITA WARISI DARIPADA GENERASI YANG TERDAHULU.

SEHARUSNYA KITA PERLU MERASA BERTUAH KERANA NEGARA KITA TELAH MENCAPI KEMERDEKAAN BERBANDING DENGAN NEGARA-NEGARA LAIN YANG MASIH TERUS BERJUANG UNTUK MEMERDEKAKAN NEGARANYA. MISALNYA NEGARA PALESTIN YANG TERUS DIJAJAH OLEH ZIONIS TIDAK PERNAH AMAN DARIPADA PENINDASAN, KEZALIMAN DAN KEKEJAMAN. SABAN HARI HIDUP MEREKA TERUS MENDERITA DAN KESEMPITAN DARI PELBAGAI ASPEK. JANGAN MENGHARAPKAN PEMBANGUNAN MALAHAN ESOK BELUM TENTU MEREKA DAPAT MENYAMBUNG NYAWA MENIKMATI HIDUP AKIBAT DARIPADA PEPERANGAN YANG TERJADI.

NEGARA KITA YANG MERDEKA PADA 31 OGOS 1957 KINI BOLEH TERUS BERBANGGA DENGAN NIKMAT PEMBANGUNAN YANG DIKECAPI. SEBELUM MERDEKA NEGARA MALAYSIA YANG DIKENALI SEBAGAI TANAH MELAYU ADALAH SEBUAH NEGARA YANG JAUH KETINGGALAN. TETAPI HARI INI MALAYSIA BOLEH BERBANGGA DENGAN BANYAK PENCAPAIAN SAMA ADA DARI ASPEK EKONOMI, PENGAJIAN TINGGI, DAN SEBAGAINYA.

KEMAKMURAN YANG DIKECAPI ADALAH HASIL KEBIJAKSANAAN DARIPADA PEMIMPIN-PEMIMPIN YANG TERDAHULU DAN PIMPINAN MASA KINI. KONTRAK SOSIAL YANG TELAH DIPERSETUJUI TELAH MEMBAWA KESEPAKATAN KEPADA SEMUA KAUM UNTUK HIDUP BERSAMA DAN MENGHARUNGI APA JUA CABARAN SEBAGAI WARGANEGARA YANG BERDAULAT. WALAUPUN MALAYSIA MEMPUNYAI PENDUDUK YANG TERDIRI DARIPADA PELBAGAI KAUM IAITU MELAYU, CINA, INDIA, KADAZAN, IBAN DAN SEBAGAINYA TETAPI DAPAT HIDUP DALAM SUASANA YANG CUKUP HARMONI.

KEADAAN INI TELAH MENIMBULKAN RASA KAGUM DUNIA TERHADAP MALAYSIA, WALAUPUN KECIL DARI SEGI SAIZNYA TETAPI BIJAK MENGURUSKAN NEGARA SEHINGGA KITA BOLEH SETANDING DENGAN NEGARA-NEGARA LAIN YANG JAUH LEBIH BESAR. SEMUANYA INI DICAPAI KERANA KITA SENTIASA MUAFKAT DAN BERTOLERANSI ANTARA SATU SAMA LAIN. ISU-ISU PERKAUMAN PERLU DIPINGGIRKAN

SUPAYA KITA TIDAK BERSENGKETA SEPERTIMANA BERLAKU PADA 13 MEI 1969.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

HARI INI KITA DIPERKENALKAN DENGAN LAUNGAN 1 MALAYSIA. DATUK SERI MOHD NAJIB BIN TUN RAZAK SEMASA PELANTIKANNYA SEBAGAI PERDANA MENTERI MALAYSIA YANG KEENAM PADA 3 APRIL 2009 DALAM UCAPAN PELANTIKANNYA MENEGASKAN TENTANG GAGASAN "1MALAYSIA. RAKYAT DIDAHULUKAN. PENCAPAIAN DIUTAMAKAN". SECARA UMUMNYA 1MALAYSIA ADALAH SLOGAN YANG MEMINTA RAKYAT BERSATU HATI TANPA MENGIRA KAUM BERSAMA MEMBANGUNKAN NEGARA MALAYSIA.

SEMASA UCAPANNYA DALAM SIDANG DEWAN RAKYAT YANG PERTAMA SEBAGAI PERDANA MENTERI, BELIAU MEMBERITAHU BAHAWA " SATU MALAYSIA MENGHARGAI DAN MENGHORMATI IDENTITI- IDENTITI ETNIK KAUM DI MALAYSIA DAN MENGANGGAPNYA SEBAGAI SATU ASET ATAU KELEBIHAN YANG PATUT DIBANGGAKAN". SETERUSNYA BELIAU BERKATA BAHAWA FORMULA SATU MALAYSIA AKAN TERLAKSANA DALAM DUA ASPEK UTAMA IAITU PENERAPAN TERAS-TERAS PERPADUAN DAN NILAI-NILAI ASPIRASI.

TERAS-TERAS PERPADUAN BERKENAAN ADALAH SEPERTI BERIKUT:

1. PENERIMAAN ANTARA SEMUA KAUM DI MALAYSIA
2. PRINSIP-PRINSIP KENEGARAAN BERASASKAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN DAN RUKUN NEGARA
3. KEADILAN SOSIAL

NILAI-NILAI ASPIRASI PULA MERUJUK KEPADA PERKARA BERIKUT:

1. BUDAYA KECEMERLANGAN DALAM MELAKSANAKAN SEMUA TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB
2. BUDAYA KETEPATAN DARI SEGI MENGHORMATI WAKTU DAN MENINGKATKAN KECEKAPAN.
3. KEBERANIAN UNTUK BERINOVASI DAN MENEROKA PELUANG BARU
4. MERITOKRASI DALAM MEMBERIKAN TUGASAN KEPADA YANG PALING LAYAK MELAKSANAKANNYA BERLANDASKAN PERLEMBAGAAN PESEKUTUAN DAN DASAR NEGARA
5. KESETIAAN YANG TIDAK BELAH BAHAGI KEPADA NEGARA
6. KETABAHAN MENGHARUNGI CABARAN MENDATANG DAN INTERGRITI DALAM SEGALA URUSAN DAN TRANSAKSI

TERNYATA BAHAWA SATU MALAYSIA ADALAH AJAKAN PERDANA MENTERI UNTUK MENYATU PADUKAN RAKYAT DARI PELBAGAI KAUM, GOLONGAN DAN USIA KE ARAH MEMBENTUK SATU MASYARAKAT YANG BERJAYA, UNGGUL DAN CEMERLANG. PERDANA MENTERI MENGAJAK SUPAYA RAKYAT MELUPAKAN SEGALA PERBEZAAN PANDANGAN, KAUM,

BUDAYA, PERASAAN DAN SEBAGAINYA KE ARAH SATU MATLAMAT IAITU SATU MALAYSIA DALAM APA JUA PERBEZAAN.

IA MENGHARAPKAN KERJASAMA, SOKONGAN, KEIKHLASAN, PERPADUAN, KESETIAAN, KETELUSAN, KESUNGGUHAN DAN TOLERANSI BAGI MENCAPAINYA. SEBAGAI RAKYAT DAN WARGA NEGARA YANG PRIHATIN DAN CINTA AKAN NEGARA MAKA KONSEP 1MALAYSIA INI ADALAH RESIPI MENCAPAI KEJAYAAN YANG LEBIH BESAR DARIPADA YANG TELAH KITA NIKMATI HARI INI.

SEBAGAI SEORANG YANG TERPELAJAR SEHARUSNYA KITA SUDAH MENJADI MATANG DAN ISU PERKAUMAN TIDAK HARUS MEMBAYANGI DIRI KITA. YANG PENTING PADA PERINGKAT INI IALAH MENANAMKAN SEMANGAT PATRIOTISME KEPADA NEGARA. PATRIOTISME ADALAH SATU SEMANGAT DAN PERASAAN KECINTAAN KEPADA NEGARA YANG LAHIR DARI DALAM DIRI KITA SENDIRI TANPA PAKSAAN. PERASAAN KECINTAAN YANG WUJUD ITU AKAN MEMBAWA PENGORBANAN YANG JUJUR DAN IKHLAS DEMI MEMPERTAHANKAN DAN MENINGKATKAN MARUAH BANGSA DAN NEGARA. IA MEMERLUKAN PENGHAYATAN DAN KESEDARAN YANG MENDALAM AKAN ERTI RAHMAT DAN BERSYUKURNYA DAPAT HIDUP DALAM NEGARA YANG AMAN MERDEKA.

SEMANGAT NASIONALISME DAN PATRIOTISME PERLU DITAFSIR DALAM KONTEKS YANG LEBIH LUAS. SELAIN DARIPADA MENJAGA PERPADUAN, KITA PERLULAH MENUNAIKAN AMANAH KEPADA NEGARA DENGAN MENUMPUKAN PERHATIAN KEPADA PELAJARAN. DENGAN CARA INI KITA AKAN DAPAT MEMBAWA MALAYSIA UNTUK LEBIH DIHORMATI DAN DISEGANI PADA PERINGKAT ANTARABANGSA.

PERJUANGAN UNTUK MENGANGKAT NAMA MALAYSIA SUPAYA LEBIH TESOHOR DALAM PELBAGAI BIDANG SAMA ADA DALAM BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI, PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN, EKONOMI DAN SEBAGAINYA ADALAH SATU SEMANGAT CINTA NEGARA YANG PERLU ADA PADA SETIAP DIRI MAHASISWA-MAHASISWI HARI INI.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

AKHIR KATA SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN TERIMA KASIH SEKALI LAGI KEPADA YB DATO' SAIFUDDIN ABDULLAH, TIMBALAN MENTERI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA YANG SUDI HADIR PADA MAJLIS INI.

TIDAK DILUPAKAN JUGA JUTAAN TERIMA KASIH DIUCAPKAN KEPADA PIHAK BIRO TATANEGARA KERANA SENTIASA SEDIA UNTUK MENGHULURKAN BANTUAN DAN SOKONGAN KEPADA PIHAK UNIVERSITI DALAM MENGANJURKAN PROGRAM SEUMPAMA INI.

DIHARAPKAN KERJASAMA ERAT INI AKAN TERUS BERKEKALAN DAN DAPAT DIPERTINGKATKAN PADA MASA HADAPAN DEMI TUJUAN DAN MATLAMAT MURNI YANG SAMA UNTUK MEMBANGUNKAN AGAMA, BANGSA DAN NEGARA .

SAYA JUGA MENGUCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI, MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR, WAKIL-WAKIL PELAJAR DAN SETERUSNYA KEPADA SEMUA PIHAK YANG TELAH BERTUNGKUS LUMUS MEMASTIKAN SEMINAR PADA HARI INI BERJAYA DILAKSANAKAN.

SEKIAN, TERIMA KASIH.